



KEMENTERIAN PENDIDIKAN

KENYATAAN MEDIA

**PEPERIKSAAN SIJIL PELAJARAN MALAYSIA ULANGAN
TAHUN 2026**

Kementerian Pendidikan (KPM) memaklumkan bahawa peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia Ulangan (SPMU) Tahun 2026 akan dilaksanakan pada **14, 15 dan 16 Julai 2026** melibatkan tiga (3) mata pelajaran, iaitu Bahasa Melayu, Sejarah dan Matematik. Seramai **12,974** orang calon telah mendaftar untuk menduduki peperiksaan SPMU Tahun 2026 di **188 pusat** peperiksaan di seluruh negara. Bagi memastikan kelancaran pengurusan dan pengendalian peperiksaan tersebut, seramai **1,530 petugas** peperiksaan telah dilantik untuk Ujian Bertulis dan Ujian Mendengar Bahasa Melayu serta **1,366 petugas** peperiksaan untuk Ujian Bertutur Bahasa Melayu.

KPM mengingatkan semua calon peperiksaan SPMU Tahun 2026 untuk merujuk jadual waktu peperiksaan bagi mendapatkan maklumat mengenai tarikh, masa, kod dan kertas peperiksaan serta arahan yang perlu dipatuhi semasa peperiksaan berlangsung. Jadual waktu peperiksaan SPMU Tahun 2026 boleh dimuat turun dari portal rasmi Lembaga Peperiksaan melalui pautan **lp.moe.gov.my**.

Calon turut diingatkan supaya membawa **dokumen pengenalan diri** dan **Pernyataan Pendaftaran Peperiksaan** ke pusat peperiksaan. Pernyataan Pendaftaran Peperiksaan boleh dimuat turun dari Sistem Pengurusan Peperiksaan Atas Talian melalui pautan **sppat.moe.gov.my**.

Calon juga hendaklah mematuhi prosedur operasi standard dan peraturan yang telah ditetapkan bagi memastikan kelancaran pengurusan dan pengendalian peperiksaan SPMU Tahun 2026.

KPM mendoakan agar semua calon dapat menduduki peperiksaan dalam keadaan sihat, selamat dan sejahtera.

TAMAT

**KEMENTERIAN PENDIDIKAN
13 JULAI 2026**